

**Media item****Full Text****MOSTI gesa syarikat pesaing saling bekerjasama**

Utusan Sarawak, Malaysia by Bernama  
EKONOMI - Page 0 - 328 words - ID my0046041804 - Photo: No - Type: -  
Size: 204.00cm<sup>2</sup>

18 Nov 2021

MOSTI gesa syarikat pesaing saling bekerjasama Bernama KUALA LUMPUR: Syarikat-syarikat yang menyertai inisiatif Teknologi Tinggi, Sentuhan Rendah (HTLT) kerajaan, digalakkan untuk mengamalkan pendekatan atau semangat 'coopetition' iaitu bekerjasama dengan pesaing berbanding sebaliknya bagi menawarkan penyelesaian yang lebih baik. Ketika membuat gesaan itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Adham Baba berkata, inisiatif itu turut menjadi tunjang dalam mempercepat syarikat-syarikat tempatan kearah penerimanaan Revolusi Perindustrian 4.0."Daripada sekadar mempelawa penyelesaian itu tampil dan mengemukakan hanya satu penyelesaian, kita menggalakkan mereka untuk membentuk kerjasama atau konsortium dengan penggiat lain. Kita menggalakkan kalangan pesaing ini untuk saling bekerjasama. "Sebagai contoh, daripada hanya menawarkan alat pencerna anaerobik berteraskan sensor kepada pasaran ikan, syarikat-syarikat kini boleh bergabung tenaga menawarkan alat serupa yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) kepada pelanggan sama," katanya dalam ucap tama di Persidangan Persatuan Taman Sains Asia (ASPA) 2021 baru-baru ini.HTLT adalah salah satu inisiatif utama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan kerjasama bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau MOSTI. Adham Baba berkata, menerusi usaha kerjasama itu, pelanggan terbabit akan mendapat lebih banyak nilai bagi pelaburan mereka dan meraih manfaat lebih besar menerusi peningkatan kecekapan dalam lebih daripada satu bidang."Syarikat-syarikat tersebut akan menjana lebih banyak data yang membolehkan sistem masing-masing meningkatkan pembelajaran dengan tarikan lebih baik di pasaran. Ringkasnya, semua pihak akan menang/"katanya."Persidangan ASPA 2021 MTDC di sini berhasrat melonjakkan agenda tamantaman sains sebagai lokasi penghasilan pembangunan bidang inovasi, penggunaan teknologi, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan reka cipta dan pengewangan harta intelek, terutama di rantau Asia," katanya.Acara Persidangan ASPA ke-24 bertemakan 'Advancing Technological Revolution Through Coopetition; (Memajukan Revolusi Teknologi Menerusi Kerjasaman Pesaingan) turut menyaksikan kehadiran peserta dari 47 negara termasuk Korea Selatan, India, Indonesia, Rusia, Singapura, Thailand, Turki, Vietnam, Jepun, Iran, China selain Malaysia selaku negara tuan rumah.Kalangan pengunjung juga berpeluang meninjau 60 gerai pameran secara maya yang mewakili 10 negara dan jaringan rangkaian bersama peserta. MTDC telah diberi tanggung jawab , menjadi tuan rumah Persidangan ASPA 2021 yang diadakan secara maya buat julung kalinya di Kuala Lumpur.- Bernama

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.

